Utusan Borneo: 29 Oktober 2026

Lelaki berjudi di tempat awam didenda RM2,500

MIRI: Seorang lelaki didenda RM2,500 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali selepas tertuduh, Mohd Idham Ayum Amiruddin, 28, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada jam 9.30 malam, 24 Oktober lalu, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri diketuai Inspektor Ardian Sha Ali Rahman yang menjalankan Ops Dadu telah pergi ke sebuah premis di Taman Jelita Commercial Centre, Taman Tunku di sini untuk mengesan kegiatan perjudian dalam talian.

Dalam serbuan itu, polis telah menahan tertuduh yang bekerja sebagai juruwang di premis tersebut untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti tersebut.

Pemeriksaan lanjut ke atas telefon bimbit milik tertuduh mendapati ia ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap dan telefon bimbitnya berserta wang tunai RM20 dirampas untuk dijadikan barang kes.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.